

SAKIT perut merupakan salah satu gejala bagi penghidap sindrom kolorektal.

Aura


Kesihatan

Oleh **KHAIRIYAH HANAFI**

Saring kesihatan cegah kanser kolorektal

LAPORAN yang dikeluarkan oleh Registri Kanser Kebangsaan Malaysia (MNCR) pada tahun 2012 hingga 2016 mendapati, kanser kolorektal atau juga dikenali sebagai kanser usus merupakan kanser kedua paling kerap berlaku di Malaysia selepas kanser payudara.

Daripada data tersebut, dianggarkan setiap satu daripada 55 lelaki lelaki dan satu daripada 76 wanita berisiko menghidap kanser usus, yang mana lebih 80 peratus kes dikesan pada umur 50 tahun dan ke atas.



KANSER kolorektal berlaku apabila sel-sel di dinding usus, tumbuh secara rawak dan tidak terkawal.

kepada doktor.

Dari situ, ujian kolonoskopi akan dijalankan dan biopsi akan diambil untuk mengesahkan kanser, selain ujian imbas turut dilakukan bagi menentukan tahap kanser.

“Rawatan utama untuk seseorang yang mempunyai kanser adalah pembedahan membuangnya dan kelenjar yang berdekatan usus tersebut.”

“Jika kanser sudah merebak ke organ yang lain, pesakit akan melalui rawatan kemoterapi atau radioterapi selepas pembedahan sembuh.

Biarpun kanser usus tidak begitu popular berbanding kanser payudara dan lain-lain, namun saban tahun jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan akibat penyakit tersebut meningkat.

Menurut Pakar Perunding Bedah Am dan Kolorektal, Hospital Pakar KPJ Tawakkal Kuala Lumpur, Dr. Nurhashim Haron, kanser kolektoral adalah satu keadaan yang mana berlakunya ketumbuhan sel-sel tidak terkawal dan boleh merebak kepada organ-organ lain di dalam tubuh individu.

“Ia berlaku yang mana sel-sel di dinding usus tumbuh secara rawak dan tidak terkawal, lalu merebak melalui kelenjar dan salur darah ke organ lain termasuk hati dan paru-paru.


“Ketumbuhan ini akan merebak ke dinding usus dan akan mengakibatkan pelbagai gejala kanser.

“Kebiasaannya, golongan yang berisiko tinggi menghidap kanser ini termasuk individu yang mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser terutamanya kanser usus.

“Bahkan seseorang itu juga berisiko tinggi sekiranya menghidap penyakit radang usus yang lama,” katanya kepada K2 baru-baru ini.

Ujarnya, antara tanda-tanda yang boleh diawasi bagi mengesan kanser kolorektal dalam kalangan individu adalah najis berdarah, perubahan dari segi tabiat pembuangan najis sama ada terlalu kerap atau kurang dari kekerapan biasa.

Selain itu, mengalami sakit perut



MENERUSI saringan, individu dapat mengesan ketumbuhan di peringkat awal.

yang berterusan dan tidak pernah reda juga merupakan simptomnya.

Individu bagaimanapun boleh mengetahui masalah yang dihadapi mereka sudah berada dalam fasa kritikal apabila mengalami gejala-gejala seperti hilang berat badan secara mendadak dan kurang selera makan.

Sekiranya kanser itu tersumbat, pesakit akan mengalami gejala usus tersumbat seperti muntah, perut kembung dan tiada pembuangan najis.

Itu merupakan tahap yang sangat



DR. NURHASHIM

kritikal bagi pesakit.

“Bagi mengesan penyakit ini, ujian saringan boleh dilakukan dengan melakukan ujian najis untuk mengesan kesan darah pada tinja, selain menjalani ujian kolonoskopi. Ujian ini boleh mengesan sama ada terdapat ketumbuhan di dalam usus atau sebaliknya.

“Kolonoskopi juga boleh dilakukan bagi mengesan polip iaitu ketumbuhan kecil, yang mana doktor pakar akan membuang polip tersebut sebelum ia bertukar menjadi kanser,” jelasnya.

Terangnya lanjut, mengenai kaedah rawatan menurut Dr. Nurhashim, jika seseorang mempunyai gejala atau berisiko tinggi terutamanya terdapat ahli keluarga yang mempunyai sejarah kanser, mereka perlu segera merujuk

“Pesakit seterusnya akan dipantau dengan rawatan klinik susulan sehingga lima tahun, yang mana mereka disarankan membuat ujian kolonoskopi berkala,” tambahnya.

Berkongsi lanjut menurut Dr. Nurhashim lagi, bagi mengelakkan kanser merebak lebih serius, individu perlu membuat ujian saringan biarpun tidak mempunyai sebarang gejala, terutamanya bagi mereka yang berisiko tinggi dan mempunyai sejarah keluarga terdekat yang menghidap kanser.

Ini kerana, menerusi saringan yang dilakukan, individu dapat mengesan ketumbuhan di peringkat awal atau sebelum ia menjadi kanser dan membolehkan pembedahan membuang, seterusnya mencegah rebakan kanser.

“Bagi menangani masalah ini, individu disarankan mengamalkan cara hidup sihat seperti selalu beriadah, melebihi pengambilan sayur dan buah-buahan, kawal pengambilan makanan serta mengelakkan kalori berlebihan bagi mencegah obesiti.

“Seelok-eloknya, lakukan ujian saringan jika ada sejarah keluarga dan berisiko tinggi. Untuk mereka yang bergejala, ambil langkah cepat untuk mendapatkan rujukan dan membuat ujian yang tepat supaya penyakit dapat didiagnos di peringkat awal.

“Ini kerana, ia telah terbukti bahawa jika pesakit dapat didiagnos pada peringkat awal, ia akan memberi peluang penyembuhan yang lebih tinggi,” tutupnya.